



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA (19 DISEMBER 2021)

1. LAPORAN HARIAN

A. JUMLAH KES COVID-19

JUMLAH KES BAHARU COVID-19	30
JUMLAH KUMULATIF KES COVID-19	251,997
KATEGORI KLINIKAL 1 & 2	27
KATEGORI KLINIKAL 3, 4 & 5	3

B. KES BAHARU MENGIKUT KATEGORI KLINIKAL

KATEGORI	BILANGAN KES MENGIKUT KATEGORI KLINIKAL
KATEGORI 1 (<i>Tiada Gejala</i>)	10
KATEGORI 2 (<i>Gejala Ringan</i>)	17
KATEGORI 3 (<i>Jangkitan Paru-paru</i>)	0
KATEGORI 4 (<i>Jangkitan Paru-paru dan Memerlukan Oksigen</i>)	1
KATEGORI 5 (<i>Jangkitan Paru-paru dan Memerlukan Ventilator</i>)	2
JUMLAH KATEGORI 3, 4 DAN 5	3

C. PECAHAN KES COVID-19 BAHARU MENGIKUT DAERAH

BIL.	DAERAH	BILANGAN KES
1	Kuching	12
2	Miri	4
3	Sibu	3
4	Samarahan	2
5	Kanowit	2
6	Lundu	1
7	Bintulu	1
8	Meradong	1
9	Sri Aman	1
10	Lawas	1
11	Kapit	1
12	Bukit Mabong	1
13	Serian	0
14	Limbang	0
15	Subis	0
16	Telang Usan	0
17	Beluru	0
18	Betong	0
19	Tanjung Manis	0
20	Sarikei	0

BIL.	DAERAH	BILANGAN KES
21	Mukah	0
22	Dalat	0
23	Saratok	0
24	Asajaya	0
25	Lubok Antu	0
26	Sebauh	0
27	Kabong	0
28	Belaga	0
29	Simunjan	0
30	Bau	0
31	Selangau	0
32	Tebedu	0
33	Tatau	0
34	Julau	0
35	Pakan	0
36	Daro	0
37	Marudi	0
38	Pusa	0
39	Matu	0
40	Song	0

D. KES KEMATIAN COVID-19

TIADA

E. KLUSTER BAHARU

TIADA

F. KLUSTER TAMAT

TIADA

G. KLUSTER YANG MASIH AKTIF

TIADA

2. LAPORAN NOTIS KOMPAUN

A. LAPORAN KKM

KOMPAUN MINGGUAN (12 - 18 DIS. 2021)	DAERAH					
	Simunjan	Betong	Sibu	Kanowit	Daro	Bintulu
BILANGAN KOMPAUN	1	1	1	1	1	1
JUMLAH KOMPAUN MINGGUAN	6 (Individu-5; Perbadanan-1)					
JUMLAH KESELURUHAN KOMPAUN (SEJAK 11 MAC 2021)	663					
RINGKASAN	i. Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis (Individu) (1) ii. Individu Gagal Memakai Pelitup Muka (Individu) (1) iii. Enggan Menjalani Kuarantin Di Bawah Seksyen 15 (Individu) (1) iv. Lain-lain Kesalahan (Individu) (2) v. Pemilik Premis Gagal Melaksanakan Penjarakan Fizikal (Perbadanan) (1)					

B. LAPORAN PDRM

	DAERAH
	Kuching
KOMPAUN	7
JUMLAH KOMPAUN HARIAN	7
JUMLAH KESELURUHAN KOMPAUN	12,577
RINGKASAN	i. Gagal mengimbas QR Code MySejahtera/mencatat kehadiran sebelum memasuki premis (7)

C. TANGKAPAN

TIADA

D. LAPORAN MLGH

TIADA

3. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI

A. SOP BAGI SAMBUTAN PERAYAAN KRISMAS

SOP bagi sambutan perayaan krismas yang disediakan oleh Unit Hal Ehwal Agama-Agama Lain (UNIFOR) telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak. SOP tersebut boleh didapati di laman web www.sarawakdisastermc.com.

B. SITUASI VARIAN OMICRON DI SARAWAK

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), setakat 14 Disember 2021, sebanyak 77 negara telah melaporkan pengesanan varian baru Omicron. Kajian juga menunjukkan bahawa varian Omicron mempunyai kemampuan replikasi dalam saluran pernafasan sebanyak 70 kali lebih cepat, berbanding dengan varian Delta.

Pada 18 Disember 2021, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) turut memaklumkan pengesanan 11 kes baru varian Omicron di Malaysia, menjadikan jumlah kes yang dikesan varian Omicron di Malaysia adalah sebanyak 13 kes. Antara 11 kes yang baru dikesan ini, dua (2) kes berada di Sarawak semasa keputusan diterima. Kedua-dua kes ini dikategorikan sebagai kes import A (jangkitan dari luar negara).

Dua kes Sarawak yang disahkan varian Omicron ini merupakan warga Malaysia yang telah kembali ke Sarawak iaitu masing-masing seorang dari United Kingdom dan USA. Kedua-dua kes telah memasuki Malaysia pada 11 Disember 2021 melalui KLIA dan dibenarkan meneruskan perjalanan ke Sarawak setelah swab untuk RT-PCR diambil di KLIA. Keputusan RT-PCR telah dimaklumkan kepada Jabatan Kesihatan Sarawak pada 16 Disember 2021 dan aktiviti pengesanan aktif kontak rapat, termasuk kontak dalam pesawat, telah dijalankan serta merta oleh Pejabat Kesihatan Bahagian Kuching. Walaupun kes telah dikuarantin di stesen kuarantin yang ditetapkan apabila memasuki Sarawak dari luar negara, risiko pendedahan mungkin berlaku sepanjang perjalanan ke Sarawak, termasuk dalam pesawat yang transit dari Negeri lain ke Sarawak.

Untuk makluman, terdapat peningkatan dalam bilangan kes import A (kes yang mendapat jangkitan dari luar negara) yang telah dikesan di Sarawak pada bulan Disember 2021. Dalam tempoh 1 hingga 18 Disember 2021, sebanyak 20 kes import A telah dikesan melalui saringan semasa kemasukan ke Sarawak, berbanding dengan 18 kes sepanjang bulan November 2021.

C. TATACARA KEMASUKAN PENGEMBARA DARI LUAR NEGARA KE SARAWAK

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak memandang serius perkembangan situasi varian Omicron di seluruh dunia serta di Malaysia, serta risiko pendedahan yang berkemungkinan berlaku dalam pesawat dan telah membuat beberapa penambahbaikan ke atas tatacara kemasukan pengembara dari luar negara ke Sarawak seperti berikut:

- I. Pengembara (Warganegara dan pemegang pas lawatan jangka panjang) yang tiba dari negara yang dikenakan sekatan perjalanan sementara iaitu **Afrika Selatan, Botswana, Eswatini, Lesotho, Mozambique, Namibia, Zimbabwe dan Malawi** atau mempunyai sejarah perjalanan dalam tempoh 14 hari ke negara-negara tersebut dibenarkan memasuki Sarawak dengan mematuhi syarat-syarat berikut:
 - a. Melakukan ujian pengesanan COVID-19 (RT-PCR) 2 hari sebelum berlepas dari 8 negara tersebut;
 - b. Memohon dalam sistem EnterSarawak;
 - c. Mengisi e-Health Declaration (eHDF);
 - d. Ujian RT – PCR semasa ketibaan di 'First Point of Entry';
 - e. Menjalani kuarantin wajib selama **14 hari** di stesen kuarantin yang ditetapkan di '**First Point of Entry**' ke **Malaysia**, tanpa mengira status vaksinasi;
 - f. Kuarantin di rumah adalah TIDAK dibenarkan;
 - g. **TIDAK DIBENARKAN meneruskan perjalanan ke Sarawak atau ke destinasi lain di Sarawak sehingga lengkap tempoh kuarantin;**
 - h. Keputusan Swab Ujian RT-PCR pada hari ke-10 adalah negatif sebelum diberi kebenaran penamatan dari kuarantin; dan
 - i. Penilaian risiko pada hari ke – 14 dan lanjutan kuarantin sekiranya perlu.

- II. Pengembara yang datang dari **negara – negara lain** atau mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara dalam tempoh **14 hari sebelum memasuki Sarawak:**
 - a. Ujian RT-PCR COVID-19 dalam tempoh 2 hari sebelum berlepas dari luar negara tersebut;
 - b. Memohon dalam sistem EnterSarawak;
 - c. Mengisi e-Health Declaration (eHDF);
 - d. Ujian RT – PCR semasa ketibaan di 'First Point of Entry';

- e. Menjalani kuarantin wajib selama **7 hari** untuk mereka yang lengkap vaksinasi atau **10 hari** bagi yang tidak lengkap vaksinasi atau belum vaksinasi, di stesen kuarantin yang ditetapkan di '**First Point of Entry**' ke **Malaysia**;
- f. **TIDAK DIBENARKAN meneruskan perjalanan ke Sarawak atau ke destinasi lain di Sarawak sehingga lengkap tempoh kuarantin**;
- g. Ujian RT-PCR pada hari ke-5 (untuk kuarantin 7 hari) dan hari ke-8 (untuk kuarantin 10 hari); dan
- h. Penilaian risiko pada hari terakhir kuarantin (pada hari ke-7 atau hari ke-10) dan lanjutan kuarantin sekiranya perlu.

Pengembara dari luar negara **WAJIB** mengisytiharkan sejarah perjalanan kepada petugas saringan kesihatan di pintu masuk negeri Sarawak. Tindakan undang-undang yang tegas akan diambil sekiranya memberi maklumat palsu, gagal memberi maklumat mengenai status kesihatan atau gagal mengisytiharkan sejarah perjalanan terdahulu. Peraturan ini juga boleh berubah dari semasa ke semasa mengikut keadaan semasa COVID-19 di dalam dan luar negara.

Keputusan ini berkuatkuasa mulai **22 Disember 2021**.

D. NASIHAT UNTUK ORANG RAMAI

JPBN Sarawak juga ingin mengingatkan bahawa walaupun terdapat penurunan dalam kes baru COVID-19 serta kematian akibat jangkitan COVID-19 yang dilaporkan di Sarawak, orang ramai tidak harus leka dalam pematuhan SOP tetapi harus sentiasa mengambil langkah-langkah pencegahan jangkitan COVID-19, terutamanya berikutan pengesanan varian baru Omicron di Sarawak. Walaupun kebanyakan kes jangkitan varian Omicron yang dilaporkan setakat ini mempunyai gejala yang ringan, risiko tetap tinggi bagi golongan yang belum menerima vaksinasi serta mereka yang mempunyai sejarah penyakit kronik. Jangkitan COVID-19 termasuk varian Omicron boleh dicegah, selagi kita kekal mematuhi SOP yang sedia ada, sentiasa memakai pelitup muka apabila berada di tempat awam, dan mengamalkan penjarakan fizikal serta kebersihan diri yang optima. Orang ramai juga diseru agar **mendapatkan vaksinasi dos ketiga atau dos penggalak** sekiranya layak, kerana data menunjukkan tiga dos vaksin COVID-19 adalah lebih berkesan dalam pencegahan jangkitan COVID-19 varian Omicron, berbanding dengan dua dos vaksinasi.

Akhir sekali, JPBN menasihatkan orang ramai agar meraikan sambutan Hari Krismas dan Tahun Baru 2022 bersama keluarga terdekat sahaja dan sentiasa mematuhi SOP yang ditetapkan. Sama-samalah kita kekal waspada dan lindungi diri kita, keluarga kita serta rakan-rakan kita daripada jangkitan COVID-19.

Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives
Jaga Sarawak, Intu Sarawak
SEKRETARIAT
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK
19 DISEMBER 2021
5.45 PETANG

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

(Data sehingga **19.12.2021 @ 8.00 pagi**)

LAPORAN PERSON UNDER SURVEILLANCE	
PERSON UNDER SURVEILLANCE (PUS) BARU	79
JUMLAH PUS DIKUARANTIN	768
SC HOTEL DAN BUKAN HOTEL	22
JUMLAH PUS DISCAJ KESELURUHAN	161,258

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS DIKUARANTIN
1	Kuching (365)	HOCK LEE	90
2		GRAND MARGHERITA	46
3		ABELL	66
4		IMPERIAL RIVERBANK	55
5		DORSET	75
6		LIWAH	20
7		TELANG USAN	13
8	Miri (225)	SOMERSET	47
9		DYNASTY	117
10		RESIDENCES 21	15
11		EMART HOTEL	46
12	Bintulu (36)	FAIRFIELD	4
13		AMBASSADOR	0
14		GREEN HOTEL	0
15		MARGHERITA PLAZA	6
16		NEW WORLD SUITES	0
17		GOLDEN BAY	0
18		KEMENA RESORT	0
19		AMIGO HOTEL	26
20	Limbang (17)	PURNAMA	7
21		SERI MALAYSIA	10
22	Sibu (125)	PREMIER HOTEL	125
JUMLAH KESELURUHAN			768

2. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)(Data sehingga **19.12.2021 @ 8.00 Pagi**)

OPERASI NYAHCEMAR	
JUMLAH OPERASI HARIAN	12
JUMLAH OPERASI TERKUMPUL	10,313

BIL	BAHAGIAN	OPERASI	OPERASI TERKUMPUL
1	Kuching	2	2,132
2	Samarahan	2	683
3	Serian	4	987
4	Sri Aman	0	153
5	Betong	0	283
6	Sarikei	1	1380
7	Sibu	0	994
8	Mukah	1	295
9	Kapit	0	413
10	Bintulu	0	601
11	Miri	1	1832
12	Limbang	1	560
Jumlah Keseluruhan			10,313

3. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

(Data sehingga **19.12.2021 @ 8.00 Pagi**)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	MB Miri	25
2	MP Sibu	8
3	MD Lawas	7
4	MD Marudi	6
5	MD Serian	3
JUMLAH		49

4. LAPORAN KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA (KPDNHEP) NEGERI SARAWAK (STATISTIK PEMANTAUAN DAN KOMPAUN) (Data 13 Mei 2021 hingga 19.12.2021 @ 8.00 pagi)

PENGUATKUASAAN PEMATUHAN SOP PKP	
JUMLAH PEMERIKSAAN HARIAN	172
JUMLAH KESELURUHAN	80,890
JUMLAH KOMPAUN HARIAN	0
JUMLAH KESELURUHAN KOMPAUN	166

BIL	BAHAGIAN	KOMPAUN HARIAN	KOMPAUN TERKUMPUL
1	Sibu	TIADA	70
2	Miri		18
3	Kuching		38
4	Mukah		12
5	Limbang		5
6	Sri Aman		3
7	Sarikei		4
8	Bintulu		7
9	Kapit		1
10	Betong		3
11	Samarahan		0
12	Serian		5
Jumlah Keseluruhan			166

HOTSPOT IDENTIFICATION FOR DYNAMIC ENGAGEMENT (HIDE)	
JUMLAH PEMERIKSAAN HARIAN	0
JUMLAH KESELURUHAN	706

5. LOKASI DAN MASA KES POSITIF DILAPORKAN

(Data sehingga **19.12.2021 @ 3.00 Petang**)

Division/District : KUCHING

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Green Source Energy Jalan Petanak	Workplace	06.12.2021 - 10.12.2021, 13.12.2021 - 16.12.2021	NR
H&L Supermarket Samariang	Social Activity - Customer	15.12.2021	2.45 pm - 3.15 pm
26B Kopitiam Petanak	Social Activity - Customer	15.12.2021	3.30 pm - 4.15 pm

Division/District : BINTULU

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
MDS Supermarket Medan Bintulu	Social Activity - Customer	12.12.2021	11.20 am - 11.46 am

Division/District : MIRI

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Marrybrown Jalan Airport	Eatery	14.12.2021	2.10 pm - 2.40 pm